

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [ KEPALA BATAS ]

**TARIKH :** 6.11.2014

**SOALAN :**

**Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan memberikan penjelasan lebih terperinci mengenai penubuhan "Sekolah Amanah" (Trust Schools) yang sudah dilaksanakan di beberapa buah negeri. Apa perancangan masa hadapan untuk "Sekolah Amanah" ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Sekolah Amanah adalah satu usaha sama dengan rakan kongsi swasta yang bertujuan untuk mewujudkan model transformasi sekolah. Program ini telah dilancarkan pada 10 Disember 2010 oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan.

Sekolah Amanah adalah sekolah yang masih berstatus sekolah kerajaan. Perbezaan antara Sekolah Amanah dengan sekolah kerajaan yang lain adalah daripada segi pengurusan. Sekolah Amanah adalah sekolah yang diurus secara bersama-sama antara pentadbir sekolah kerajaan dengan sebuah Yayasan yang tidak berasaskan keuntungan dan dibawah kawal selia Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pihak Yayasan bersama-sama pihak pengurusan sekolah bertanggungjawab melaksanakan urusan pengoperasian Sekolah Amanah berdasarkan autonomi yang telah diberikan iaitu kurikulum, jadual waktu dan kalendar persekolahan, polisi berkaitan murid, perolehan, kewangan dan pengurusan sumber manusia. Program Sekolah Amanah ini memberi fokus kepada empat *Strategic Goal* iaitu:

1. Membangunkan kepemimpinan dan pengurusan berkualiti tinggi.
2. Menambah baik kualiti pembelajaran dan pengajaran.
3. Memaksimumkan potensi dan pencapaian murid.
4. Mengukuhkan pelibatan ibu bapa, komuniti dan pihak berkepentingan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rakan kongsi swasta yang mempunyai kepakaran sumber dan kualiti kepimpinan menawarkan perkhidmatan nilai tambah yang bersesuaian seperti menyediakan sekumpulan pakar yang berpengalaman dalam sektor pendidikan antarabangsa dan tempatan memainkan peranan berkongsi kepakaran dan pengalaman di dalam aspek pengajaran, pembelajaran dan pengurusan.

Sehingga kini, sebanyak 30 buah sekolah (18 sekolah di Johor, lima sekolah di Sarawak, empat sekolah di Kuala Lumpur dan tiga sekolah di Selangor) telah terpilih menyertai program ini dan merangkumi sekolah rendah dan menengah. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah mensasarkan jumlah Sekolah Amanah pada tahun 2025 adalah sebanyak 500 buah.